



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

FAKULTI MUZIK

**PROJEK AKADEMIK
EDU 650**

**Muzik Tradisional Caklempong
Dalam Pendidikan Muzik
Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)
Tingkatan Tiga**

**Cadangan kajian bagi memenuhi syarat bagi
Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Seni Muzik (Kepujian)**

Disediakan oleh:

**MOHD RIZAL BIN HJ HAMSIN
2003189707
MU 220**

Disediakan untuk:

**DR. VALERIE ROSS
Penyelia Projek Akademik**

Semester December 2006 – April 2007

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi, akhirnya saya dapat menyiapkan projek akademik yang amat bermakna dan berharga buat diri saya. Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada Dr. Valerie Ross selaku penasihat dan penyelia dalam menghasilkan projek akademik ini. Segala tunjuk ajar dan teguran yang diberikan kepada saya selama ini amat dihargai. Juga ucapan ribuan terima kasih kepada Encik Nik Mustapha Nik Salleh, Encik Zamzahardi Zambrin, Guru Pendidikan Muzik iaitu Puan Ummi Salbiah Abd Rahman dan Encik Mazrul Hisyam Mohd Hashim dari SMK Cheras Kuala Lumpur, yang banyak memberikan maklumat dan bahan rujukan yang diperlukan dalam proses menyiapkan projek akademik ini. Segala bantuan anda semua amat dihargai.

Segala suka dan duka sepanjang menyiapkan projek akademik ini juga ingin saya kongsikan bersama rakan seperjuangan yang memberi galakan, dorongan dan bantuan kepada saya selama ini. Terutamanya rakan yang membantu menyiapkan proses rakaman video persembahan repertoire Caklempong: Mohd Firdaus Tahir Ramli, Suriati Warno, Nurazween Ghazali, Hanisah Tumiran, Norhazura Husni, Mohd Razalee Mahat, Mohd Bushrol Huzaid Basri, Mohd Faizal, Mohd Dzyauddin Md Yusoff, Ali Zikry Yahaya dan Mohd Dzuri Bachok. Saya berterima kasih atas kesudian rakan meluangkan masa untuk membantu saya. Ribuan terima kasih kepada juruteknik Jabatan Pendidikan Seni Muzik, Fakulti Muzik iaitu Encik Asyrul Mokhtar yang sudi meluangkan masa untuk membantu merakamkan video persembahan repertoire Caklempong, dan proses rakaman video serta gambar yang berkaitan Caklempong. Ucapan terima kasih sekali lagi saya tujukan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam proses menyiapkan projek akademik ini. Semoga semua pihak yang terlibat diberkati Allah selama-lamanya.

ISI KANDUNGAN

Kata Pendahuluan	i
Penghargaan	ii
Senarai Gambarajah	iii
Bab 1 Pengenalan	
1.1 Pengenalan secara umum	1
1.2 Tujuan	4
1.3 Skop	5
1.4 Organisasi	5
1.5 Kaedah	
1.5.1 Sumber Primer	6
1.5.2 Sumber Sekunder	6
1.5.3 Temubual	7
Bab 2 Sejarah Muzik Caklempong	
2.1 Pendahuluan	8
2.2 Asal-usul Caklempong	9
2.3 Caklempong di Malaysia	10
2.4 Kegunaan Caklempong masa kini	12
Bab 3 Alat-alat muzik Caklempong	
3.1 Pengenalan alat muzik Caklempong	14
3.1.1 Bonang	15

3.1.2 Tepak	16
3.1.3 Gendang Ibu dan Anak	17
3.1.4 Bangsi dan Serunai	18
3.1.5 Kayu Pernalu	19
3.2 Susunan alat ensembel Caklempong	20
3.2.1 Gereteh	20
3.2.2 Tingkah	20
3.2.3 Sauwa	21
3.2.4 Gendang Ibu dan Anak	21
3.2.5 Bangsi	21
3.3 Penjagaan peralatan alat muzik Caklempong.	23

Bab 4 Muzik Caklempong

4.1.1 Notasi Gereteh	24
4.1.2 Notasi Tingkah	25
4.1.3 Notasi Sauwa	26
4.1.4 Notasi Bangsi	27
4.1.5 Notasi Serunai, Pupuik dan Gendang	27
4.2 Cara bermain Caklempong	28
4.3 Caklempong Pacik (<i>Paciak</i>)	30
4.4 Lagu-lagu muzik Caklempong	31
4.5 Penilaian Kendalian Sekolah	32

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pengenalan secara umum

Muzik telah mempengaruhi hidup kita sejak berzaman lagi. Pertama apabila menyebut tentang muzik, minda manusia lazimnya menggambarkan hiburan. Masyarakat pada umumnya sentiasa dibuai dengan lagu-lagu melalui radio, televisyen dan pementasan awam. Hal ini sememangnya tidak dapat dinafikan kerana keadaan semula jadinya iaitu muzik adalah indah dan sesuatu yang indah itu menyukakan hati dan seharusnya menghiburkan. Mengikut kamus Dewan (1996), muzik adalah gubahan yang menghasilkan bentuk dan irama yang indah dan menyenangkan. Dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia, setiap kaum dan etnik mewarisi muzik yang pelbagai dan tersendiri. Ini menjadikan masyarakat pelbagai budaya di Malaysia mempunyai seni muzik dengan pelbagai melodi dan irama. Masyarakat Malaysia mampu bersaing dan menerima cara hidup yang toleran dengan mendengar berbagai-bagai irama muzik dari pelbagai etnik dan budaya.

Menurut Hanafi (1996) melalui Pendidikan Muzik, pelajar diajar memahami dan menghargai hidup pelbagai budaya. Ia dapat membantu pelajar mengatasi masalah perkauman dan budaya, pilih kasih dan isu-isu sensitif yang wujud dalam masyarakat majmuk. Latar belakang budaya masyarakat Malaysia kaya dengan adat resam dan muzik tradisional. Dalam amalan kegiatan kehidupan harian seperti kegiatan agama, perkahwinan dan upacara tertentu, muzik banyak digunakan. Muzik tradisional pelbagai kaum ini mempunyai nilai estetika tersendiri. Antara muzik tradisional ini ialah berzanji, marhaban, nasyid, muzik gamelan, caklempong, kompang, rentak zapin, inang, ghazal, dikir barat, menora dan sebagainya. Muzik tradisional ini perlu dipelihara dan